

PERBARISAN BULANAN KOMANDAN KOLEJ TENTERA UDARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5070-perbarisan-bulanan-komandan-kolej-tentera-udara-6

ALOR SETAR, 29 Mei 19 - Perbarisan Bulanan Komandan Kolej Tentera Udara bagi bulan Mei 2019 telah dilaksanakan di Padang Kawad KTU yang melibatkan semua peringkat pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat termasuk kakitangan awam serta pelatih.

Selepas tamat acara perbarisan Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM telah menyempurnakan Penyampaian Hadiah kepada pemenang Pertandingan Kempen Keselamatan Peringkat Kolej dan majlis Penyampaian Bungkusan Beg Raya serta diadakan sumbangan Cek Kebajikan kepada anak-anak pegawai dan anggota yang menghidap penyakit kronik bertempat di Bilik Mesyuarat Kolej.



